

30/07/1997

Hak asasi: Asia, Barat tidak sekata (HL)

far; Azman Abdul Hamid; Faizal Fadzil

PETALING JAYA, Selasa - Amerika Syarikat hari ini menjadi sasaran kritikan negara Asia berikutan langkah kuasa besar itu menolak serta-merta usul Malaysia supaya Deklarasi Hak Asasi Manusia 1948 dikaji semula, tanpa memberi peluang ia dibincangkan.

Sambil menyokong cadangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengemukakan usul itu kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), China, Indonesia dan Filipina, bersetuju deklarasi itu tidak lagi sesuai dengan kehendak masyarakat dunia masa kini.

Malah, ada yang menjelaskan, pada perbincangan dalam organisasi beberapa negara membangun seperti Pergerakan Berkecuali (NAM) dan Kumpulan Negara Selatan-Selatan, banyak negara bersetuju supaya ciri-ciri yang membentuk hak asasi manusia di PBB diteliti semula bagi memenuhi kehendak semua, meskipun cadangan mengkajinya pertama kali diusulkan oleh Malaysia.

Menteri Luar Indonesia, Ali Alatas, berkata ketika dirangka, hanya beberapa negara kuasa besar berpeluang menyumbang fikiran terhadap deklarasi yang hampir berusia 50 tahun itu.

Kini ada 120 negara anggota PBB khususnya negara membangun yang sebelum ini tidak berpeluang memberi sumbangan idea berhubung ciri-ciri hak asasi manusia yang bersifat sejagat dan diterima semua.

"Masyarakat dunia semakin sedar hak terhadap pembangunan ekonomi, budaya dan cara hidup sama penting dengan hak untuk bersuara dan kebebasan individu," katanya dalam sidang akhbar bersama setelah tamat Persidangan Selepas Mesyuarat (PMC) di sini, hari ini.

Sidang akhbar itu, acara terakhir PMC sempena mesyuarat Menteri Luar Asean Ke-30, agak hangat apabila berlaku pertikaman lidah antara beberapa negara Asia dengan Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah mengenai cadangan Malaysia itu.

Negara anggota PMC iaitu sembilan negara Asean, Amerika Syarikat, Russia, Kesatuan Eropah (EU), Kanada, India, China, Korea Selatan, Jepun, Australia dan New Zealand menghadiri sidang akhbar itu.

Amerika Syarikat diwakili Setiausaha Rendah Hal Ehwat Ekonomi, Perniagaan dan Pertanian negara itu, Stuart E Eizenstat; yang menggantikan Setiausaha Negaranya, Madeleine Albright, yang berlepas ke Singapura pagi ini.

Ali juga kecewa dengan sikap Amerika Syarikat yang tergesa-gesa menuduh cadangan mengkaji hak asasi manusia itu sebagai satu tindakan untuk mengubah takrifan asas hak asasi manusia yang ditetapkan dalam Deklarasi 1948.

"Laluan untuk mengkajinya harus dibincangkan kerana ia boleh mewujudkan sesuatu yang lebih baik," katanya.

Ahad lalu, Perdana Menteri menjelaskan, Malaysia mungkin mengemukakan usul kepada PBB supaya Deklarasi Hak Asasi Manusia dikaji semula kerana deklarasi 50 tahun itu tidak lagi sesuai berikutan ia dirangka oleh kuasa besar yang tidak memahami keperluan negara miskin.

Sebelum itu, Penasihat Ekonomi Kerajaan, Tun Daim Zainuddin, mencadangkan supaya deklarasi itu dikaji semula sempena ulang tahunnya yang ke-49, 10 Disember ini.

Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Madeleine Albright, dalam kenyataannya pada PMC semalam menegaskan, negara itu akan menentang sebarang usaha untuk mengkaji semula Deklarasi Hak Asasi Manusia 1948 kerana ia akan mengubah asas hak yang dianggapnya sudah bersifat sejagat

itu.

Sementara itu, Menteri Luar China, Qian Qichen, berkata tiada satu pihak pun yang boleh menjadi hakim dalam menentukan satu-satu negara itu melaksanakan hak asasi manusia atau mencabulnya.

Beliau juga membidas Amerika Syarikat kerana terlalu sibuk mengenai hak asasi manusia di negara lain tetapi tidak memberi komitmen kepada Deklarasi Hak Asasi Manusia 1948.

"Kami sendiri sudah menandatangani 17 daripada 60 fasal daripada konvensyen itu, sebaliknya Amerika Syarikat hanya menandatangani 15," katanya.

Katanya, Amerika Syarikat mempunyai banyak laporan hak asasi manusia di banyak negara sedangkan tidak ada negara yang mempunyai laporan serupa mengenai hak itu di negara berkenaan.

"Bagaimanapun, apabila kami mengemukakan laporan hak asasi manusia di Amerika Syarikat kepada PBB, tiada media di negara itu melaporkannya," katanya.

(END)